


# Matrix Concepts rekod untung terbaik sebanyak RM251 juta

**PETALING JAYA** – Pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) merekodkan untung bersih 21.3 peratus lebih tinggi kepada RM251.4 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024 (TK2024) didorong permintaan kukuh untuk portfolio hartanahnya yang pelbagai.

Angka tersebut merupakan keuntungan bersih kedua tertinggi Kumpulan sejak penyenaaraiannya dan melepasi sasaran keuntungan sebanyak RM230 juta bagi TK2024.

Hasil meningkat 20.4 peratus kepada RM1.34 bilion berbanding RM1.11 bilion tahun sebelumnya disokong oleh pengiktirafan hartanah kediaman dan komersial, ditambah penjualan hartanah industri dan peningkatan sumbangan daripada bahagian pendidikan dan hospitaliti.

Kumpulan turut merekodkan sumbangan keuntungan sulung sebanyak RM5 juta dalam yuran pengurusan pada separuh kedua TK2024 daripada bahagian pen-



**USAHA** sama Mohamad Haslah (kanan) dan Pengasas Matrix Concepts, Datuk Seri Lee Tian Hock berjaya mengukuhkan jenama Kumpulan.

jagaan kesihatannya iaitu Pusat Perubatan Mawar di Seremban.

Jualan hartanah baharu mencatatkan pertumbuhan sihat sebanyak 3.6 peratus kepada RM1.25 bilion berbanding RM1.2 bilion sebelumnya.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, prestasi mantap Matrix Concepts ditambah kadar pengambilan kukuh secara kon-

sisten melebihi 80 peratus mentasi pelbagai pembangunan.

“Kedudukan kewangan yang kukuh dengan saluran pendapatan yang pelbagai telah mengukuhkan jenama dan kedudukan pasaran kami, membuka jalan untuk pertumbuhan utama yang seterusnya iaitu projek perbandaran seluas 1,383 ekar (560 hektar) di Malaysia Vision Valley,” katanya dalam kenyataan.